

KUNJUNGAN AL-MALIK

sangat penting dalam

Perhubungan Semenanjung Tanah Arab dengan gugusan pulau-pulau Melayu sekarang menjelma dengan nama Indonesia memang telah sedia terikat, diikat oleh tali persaudaraan Islam semenjak Islam menyingarkan cahayanya di alam Melayu.

Misalnya "Sunan Gunung Jati" yang telah menghancurkan angkatan laut Portugis "di Sunda Kelapa" (sekarang Jakarta) pada kira-kira 450 tahun yang lalu ialah seorang anak Pasai yang telah menawan dan mendalamkan pengetahuan di Tanah suci Mekah.

Bahkan jauh sebelum itu – sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu – kapal-kapal layar Indonesia dan Melayu telah sampai ke pantai Semenanjung Arab membawa dagangan dan sebaliknya gugusan pulau-pulau Melayu telah didatangi oleh kapal-kapal Arab membawa dagangan.

Kunjungan al-Malik Saud ke Indonesia dalam bulan Ogos ini kerana menghadiri hari ulangtaun kemerdekaan Indonesia dan meneguhkan tali silaturrahim dengan kaum muslimin Indonesia dalam tiap-tiap kota besar di Jawa dan di Sumatera memang sangat penting dari segi agama dan dari segi siasah juga.

*

Penduduk Semenanjung Arab yang kering kontang itu sedang mencecap nikmat hidup dan berada dalam zaman kemajuan yang gilang gemilang semenjak mereka terletak di bawah pimpinan al-Marhum al-Malik ibn Saud dan sekarang di bawah pimpinan anakanda al-Malik Saud.



Yang Maha Mulia al-Malik Saud Raja Saudi

SAUD KE INDONESIA

menghubungkan silaturrahim



Penduduk “al-Mamlakah al-‘Arabiah al-Saudiah”

(negara Arab Saudi) yang luas 930,000

persegi batu dan berjumlah delapan juta orang sedang mengalami perubahan pada serba serbinya ke arah yang lebih baik dan lebih maju, dengan dipimpin oleh seorang Raja yang adil lagi dermawan.

Salah satu usaha baginda yang akan menghidupkan

nama al-Malik Saud di dalam sejarah ialah pembaharuan al-Masjid al-Haram – *Baitu Allāh* yang sedang diatur dan akan memakan belanja kira-kira lima puluh juta paun. Sebagaimana terlebih dahulu daripada itu berjuta-juta paun telah dibelanjakan kerana memperbaiki masjid Rasulullah (SAW) di Madinah.

Dalam lapangan mengembangkan Islam beribu-ribu kitab –

Tafsir, Hadis dan ilmu pengetahuan Islam telah dicetak dan dibahagikan dengan percuma di dalam dan di luar negeri.

Orang-orang Islam telah digalakkan menghafaz Quran. Tiap-tiap

seorang yang telah hafaz akan Quran yang tiga puluh juzuk itu – setelah diuji – akan beroleh kurnia baginda sebanyak dua ribu Riyal (Ringgit) kerana menghormati dan menghargai usaha yang baik itu. Penghafaz-penghafaz Quran ini telah diberikan kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat.

Sekolah-sekolah rendah, menengah dan tinggi telah didirikan

dengan banyaknya, guru-guru yang berkelayakan telah dibawa dari luar negeri, manakala penuntut-penuntut telah dihantarkan ke Mesir, ke Eropah dan ke Amerika untuk membina suatu umat yang tidak kurang kemajuannya dengan umat-umat yang maju di dunia ini.

Arabiah yang berpakaian tentera.